



PERAK  
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## KENYATAAN RASMI BIL. 1/2021

### PENJELASAN MENGENAI KENYATAAN “BULAN MENGELILINGI KAABAH” DAN “BULAN ISTIWA ATAS KAABAH’

Pihak Jabatan Mufti Negeri Perak telah menerima pertanyaan mengenai 2 kenyataan berkaaitan hal ini.

**Kenyataan pertama adalah seperti berikut :**

*Buat Semua Umat Islam!!!*

*BACALAH SEBELUM TERLAMBAT..!!*

*Malam nanti jam 3:25 pagi bulan akan mengelilingi Ka'bah dan langit akan berwarna biru muda, inilah sa'at penerima'an doa,taubat,munajat,ini \*terjadi setiap 100 ribu tahun sekali,*

*\*Hari ini di malam hari siapa pun yang berdo'a akan diterima. Bulan akan melakukan Tawaaf di sekitar Ka'bah.Tolong sampaikan ini kepada semua orang. \*Rabbi minkulli zambi wa'atubu illiahi.. , jika kamu mengirim doa ini ke temanmu, Allah akan menyelesaikan semua masalahmu.*

*Tolong kirimkan ini ke Setiap 5 grup dekat kalian sehingga mereka bisa mengetahui ..  
..semoga bermanfaat Aamiin."*

Setelah meneliti kenyataan ini, kami berpandangan kenyataan ini adalah palsu dan tidak boleh dipercayai, berdasarkan alasan-alasan berikut :

1) Cerita seumpama ini telah pernah tular dan dikatakan akan berlaku sebelum ini iaitu pada tahun 2011, 2015 dan 2019. Malah cerita ini juga dikaitkan dan dinisbahkan kepada individu-individu tertentu seperti bekas pengarah ANGKASA, Dato' Mazlan Othman dan penceramah terkenal antarabangsa, Mufti Ismail Menk namun telah dinafikan sendiri oleh mereka dan pihak-pihak yang berkaitan. Malah pada tahun ini ia dikaitkan pula dengan penceramah lain seperti Ustaz Abdul Somad (UAS) yang sebenarnya telah tular dan dinafikan oleh beliau pada tahun 2019.

2) Tiada sumber nas sama ada dari al-Quran atau Hadis yang meriwayatkan hal ini dengan merujuk kepada waktu bulan mengelilingi Kaabah sebagai waktu mustajab doa.

3) Berdasarkan kedudukan dan orbit bulan yang mengelilingi bumi, bulan tidak mungkin dapat mengelilingi Kaabah seperti yang di dakwa kerana ia bercanggah dengan sunnatullah.

**Kenyataan kedua** yang juga telah ditularkan berkaitan Kedudukan Bulan Istiwa di atas Kaabah seperti infografik di bawah :



Setelah meneliti kenyataan ini, kami berpandangan kenyataan ini adalah benar berdasarkan alasan-alasan berikut :

1) Berdasarkan penelitian kami, fenomena Bulan Istiwa iaitu berada tepat di atas Kaabah telah berlaku pada 16 Jamadilakhir 1442H / 29 Januari 2021M pada jam 5.43 am waktu Malaysia bersamaan dengan 12.43 am waktu Arab Saudi. Ketika ini bulan sedang mengalami fasa bulan penuh.

2) Fenomena ini jarang berlaku di mana bulan istiwa bersamaan dengan fasa bulan penuh. Ia menepati ilmu falak, dan akan berulang lagi pada 15 Rabiulakhir 1443H / 20 November 2021M pada jam 5.29 waktu Malaysia bersamaan dengan 12.29 am waktu di Arab Saudi. Ia menyamai fenomena Istiwa A'dzam ketika matahari tegak di atas kaabah di mana kita berpeluang menyemak arah kiblat.

3) Namun ditegaskan di sini bahawa ia tiada kaitan dengan waktu mustajab doa seperti kenyataan 1 di atas.

## **Kesimpulan**

- 1) Peristiwa Bulan mengelilingi Kaabah adalah tidak benar, berbanding peristiwa Bulan Istiwa di Kaabah yang menepati ilmu falak.
- 2) Berdasarkan ulasan yang telah kami berikan di atas menunjukkan tiada kaitan peristiwa Bulan Mengelilingi Kaabah atau Bulan Istiwa Di Kaabah dengan waktu mustajab doa.
- 3) Kenyataan bulan mengelilingi kaabah terus berulang kali ditularkan pada setiap tahun. Malah lebih mendukacitakan kenyataan ini disandarkan pula kepada penceramah/pendakwah atau individu yang tidak tahu menahu berkaitan hal tersebut.
- 4) Sebagai seorang muslim yang berakhlak wajarlah kita meneliti setiap berita atau kenyataan yang kita terima sebelum disampaikan pada orang lain.

Sekian, wassalam.

Jabatan Mufti Negeri Perak.

29 Januari 2021M / 16 Jamadilakhir 1442H